

1 Julai 2009 (Rabu)

RM3 bilion dana rangsangan ekonomi diagih

KERAJAAN sudah membayar sebanyak RM3 bilion daripada projek bernilai RM9 yang dilaksanakan di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama dan kedua setakat 19 Jun lalu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak. "Pembayaran itu disegerakan sejajar dengan pelaksanaan projek yang sudah diperuntukkan. "Saya yakin ia menjadi suntikan perbelanjaan dalam ekonomi domestik dan memberi kesan gandaan yang akan membantu menampai kesan kemelesetan global, di samping menyediakan peluang pemulihan ekonomi pada separuh tahun kedua tahun ini," katanya pada Persidangan Invest Malaysia 2009 di Kuala Lumpur, semalam.

Jumlah itu meningkat lebih 100 peratus berbanding RM4.2 bilion seperti yang dilaporkan pada 12 Jun lalu. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan komited untuk memberi tindak balas pantas bagi menjana ekonomi tempatan menerusi perbelanjaan pembangunan bagi mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi global. "Seperti yang telah kita ketahui dan rasai, kegawatan ekonomi global sudah menampakkan kesannya ke atas ekonomi benar, syarikat, peluang pekerjaan, rakyat dan keluarga di seluruh dunia dan negara juga tidak terkecuali," katanya.

Susulan itu, Najib berkata, kerajaan sudah memperkenalkan dua pakej rangsangan pada November dan Mac lalu dengan nilai keseluruhan sebanyak RM67 bilion atau kira-kira sembilan peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara untuk dibelanjakan bagi tempoh dua tahun. Katanya, pakej rangsangan fiskal itu membabitkan pelaksanaan langkah komprehensif dalam mengurangkan kesan kegawatan kepada rakyat dan syarikat, menjana permintaan agregat dalam jangka pendek dan membina kapasiti ekonomi dalam jangka panjang.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memastikan syarikat perniagaan mendapat pembiayaan mencukupi dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi menyediakan kemudahan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana serta menubuhkan mekanisme penyediaan jaminan dan penstrukturan hutang bagi menyokong pembiayaan sektor swasta.

1 Julai 2009 (Rabu)

LPK tangguh bayaran RM660j kepada KDSB

PELABUHAN KLANG: Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) menangguhkan pembayaran berjumlah RM660 juta yang sepatutnya dibayar menerusi empat peringkat kepada pemaju Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB). Pengerusi LPK, Datuk Lee Hwa Beng, berkata keputusan penangguhan itu dicapai pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pagi semalam selepas mendapati pasukan khas yang ditugaskan menyediakan laporan projek itu belum menyiapkannya. Katanya, pasukan khas itu yang ditubuhkan pada 10 Jun lalu sudah memulakan siasatan dan sedang dalam proses mengumpul maklumat untuk menyiapkan laporan dalam tempoh dua bulan seperti diarahkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat.

"Ahli Lembaga LPK memutuskan selepas meneliti semua pendapat, menangguhkan bayaran sehingga laporan penuh disiapkan pasukan khas itu. "Bayaran bukan ditangguh kerana LPK tidak ada wang untuk membayar. Kementerian Kewangan sudah meluluskan RM660 juta untuk LPK membuat bayaran," katanya pada sidang media di pejabatnya di LPK, di sini, semalam.

LPK sepatutnya membayar kepada syarikat tujuan khas KDSB iaitu Special Port Vehicle Bhd, Transshipment Megahub Bhd, Valid Ventures Bhd dan Free Zone Capital Bhd berjumlah RM660 juta menerusi empat peringkat pada Jun dan Julai. Pasukan khas yang diarah menyediakan cadangan hasil laporan audit PricewaterhouseCoopers mengenai projek itu diketuai peguam kanan Vinayak Pradhan dari firma guaman Skrine dan ia dijangka menyerahkan cadangan kepada LPK dan Ong pada Ogos ini.

Lee berkata, LPK perlu berhati-hati dengan wang awam dan keputusan lembaga itu juga adalah sebahagian usaha Kementerian Pengangkutan untuk menyusun semula kedudukan kewangan PKFZ dan mendapatkan nasihat undang-undang mengenai beberapa perjanjian yang dimeterai sebelum ini. "LPK sedar tindakan untuk tidak membuat pembayaran itu boleh membawa kepada tindakan undang-undang dan jika ini berlaku, LPK akan mempertahankan tindakan itu dan menunggu keputusannya," katanya.

2 Julai 2009 (Khamis)

Nilai pelaburan Khazanah meningkat RM15.5 bilion

Oleh Kamarulzaidi Kamis, Azli Ayob dan Ahmad Farizal Hajat bhbiz@bharian.com.my

NILAI pelaburan Khazanah Nasional Bhd meningkat RM15.5 bilion atau 23 peratus dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, daripada hanya RM69.5 bilion pada 31 Disember tahun lalu kepada RM85 bilion akhir bulan lalu. Peningkatan diraih sayap pelaburan di sebalik persekitaran ekonomi global yang mencabar serta suasana pasaran yang tidak menentu. Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar, berkata nilai bersih Khazanah meningkat RM11.1 bilion atau 34 peratus kepada RM44 bilion dalam tempoh itu, justeru, menggambarkan nilai asetnya kini adalah 2.1 kali ganda lebih tinggi berbanding tanggungan.

“Kami amat berpuas hati dengan prestasi pelaburan keseluruhan Khazanah bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini. “Dengan dana tambahan sebanyak RM10 bilion yang akan diperoleh menjelang akhir tahun ini, kami berada di kedudukan terbaik untuk meningkatkan aktiviti pelaburan,” katanya sambil menambah, seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan pakej rangsangan ekonomi kedua pada Mac lalu, dana tambahan itu akan dilaburkan dalam projek yang memberikan kesan penggandaan yang tinggi kepada ekonomi negara.

Berucap pada hari kedua Persidangan Invest Malaysia 2009 di Kuala Lumpur, semalam, Azman Mokhtar berkata, Khazanah tahun lalu meraih keuntungan sebelum cukai RM128 juta meskipun berlaku penurunan ketara harga aset di peringkat global. “Dalam tempoh lima tahun, dari 2004 hingga 2008, Khazanah meraih keuntungan sebelum cukai terkumpul RM5.7 bilion dan membayar dividen serta cukai kepada kerajaan sebanyak RM2.3 bilion,” katanya.

Mengulas mengenai arahan Najib supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menjual aset bukan aktiviti teras masing-masing, Azman berkata, Khazanah telah melaksanakan aktiviti itu dan akan terus melaksanakannya secara berperingkat. Sayap pelaburan kerajaan itu ketika ini menguasai sembilan daripada 20 GLC iaitu Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCHB), Tenaga Nasional Bhd, Telekom Malaysia Bhd (TM), Axiata Bhd, UEM Group, Penerbangan Malaysia (MAS), Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), Pos Malaysia Bhd dan Proton Holdings Bhd.

“Dalam tempoh lima tahun lalu, Khazanah telah menjual pelaburan bernilai RM12.6 bilion dan meraih keuntungan sebanyak RM3.6 bilion menerusi lebih 20 urus niag,”. Katanya, penjualan kepentingan itu dibuat secara berperingkat antaranya menerusi terbitan bon dan sukuk boleh tukar dan kaedah sama akan dilakukan pada masa akan datang. “Kami pilih urus niaga bon dan sukuk boleh tukar kerana ia membolehkan kami menjana nilai dan mendapatkan pulangan lebih tinggi. Namun, ia juga bergantung kepada keadaan pasaran dan nilai syarikat itu,” katanya.

3 Julai 2009 (Jumaat)

Nilai pelaburan lima koridor RM156 bilion

Oleh Anwar Hussin, Nazura Ngah, Norliza Wasilan dan Fatin Hafizah Mohd Shahar
bnews@bharian.com.my



NAJIB ketika hadir di Parlimen, semalam.

Perjanjian kontrak 7.4 peratus lebih tinggi: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, nilai pelaburan yang diperoleh melalui perjanjian kontrak di lima koridor ekonomi adalah sebanyak RM155.71 bilion. Perdana Menteri berkata, jumlah itu adalah 7.4 peratus lebih tinggi berbanding nilai pelaburan yang disasarkan dalam tempoh Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), iaitu sebanyak RM145 bilion. Koridor pertumbuhan Iskandar Malaysia (IM) mensasarkan pelaburan dalam RMK-9 sebanyak RM47 bilion dan sehingga kini sebanyak RM41 bilion diterima, manakala Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) mensasarkan RM28 bilion, tetapi pencapaian adalah RM8.36 bilion.

"Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) mensasarkan RM20 bilion dan sehingga kini berjaya memperoleh RM22.7 bilion, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) (RM16 bilion disasarkan dan RM3.75 bilion diterima), Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score) (RM34 bilion disasarkan dan RM79.9 bilion diterima)," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan) di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sudah memulakan 103 daripada 224 projek atau 46 peratus yang disenarai untuk dilaksanakan di semua koridor pertumbuhan. Perdana Menteri berkata, kebanyakan projek itu masih pada peringkat awal pelaksanaan iaitu membabitkan kerja awal seperti kajian reka bentuk, penilaian impak alam sekitar (EIA), ukur tanah dan penyediaan tapak.

Dari segi bilangan projek sudah dimulakan mengikut koridor, IM mencatatkan pelaksanaan 100 peratus, manakala NCER sebanyak 43 peratus, ECER sebanyak 45 peratus, SDC (28 peratus) dan Score sebanyak 100 peratus. Beliau berkata, usaha kerajaan melaksanakan inisiatif koridor pertumbuhan di bawah RMK-9 bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri akan diteruskan. "Pendekatan ini akan menggunakan kelebihan dan kekuatan sedia ada di kawasan membangun untuk dikembangkan ke kawasan berpotensi di wilayah berkaitan serta memberi tumpuan kepada pengoptimuman sumber yang ada sepenuhnya," katanya.

Najib berkata, pendekatan koridor pertumbuhan akan dilaksanakan secara bersepadu tanpa merugikan penduduk tempatan. Beliau berkata, program pembangunan itu akan memastikan masyarakat tempatan mendapat faedah menerusi pengwujudan peluang

pekerjaan, keusahawanan dan penyedia perkhidmatan dan sebagainya bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. "Kerajaan percaya dari segi jangka panjang, faedah pelaksanaannya boleh diterima semua rakyat, termasuk masyarakat luar bandar," katanya.

7 Julai 2009 (Selasa)

Johor: Pelantar usang ancam nelayan

Oleh Togi Marzuki bhnews@bharian.com.my



PANGKALAN Kampung Sungai Durian, Mukim Serkat, Kukup Pontian berbahaya kepada nelayan.

Pihak berkuasa diminta baiki elak kemalangan boleh jejas aktiviti harian

PONTIAN: Kira-kira 100 nelayan di Kampung Sungai Durian, Serkat, Kukup, dekat sini dikatakan terpaksa menggunakan pelantar dan tangga yang sudah usang serta reput sekali gus membahayakan keselamatan mereka. Pelantar dan tangga itu digunakan nelayan di kampung itu untuk menjalankan aktiviti harian seperti memunggah hasil tangkapan. Jika tidak dibaiki dan dinaik taraf oleh pihak berkuasa, pelantar dan tangga usang serta reput itu boleh mengundang kejadian tidak diingini kerana ia boleh roboh atau patah pada bila-bila masa. Difahamkan, beberapa nelayan sudah terjatuh apabila tangga yang diperbuat daripada kayu itu patah sewaktu kerja memunggah hasil tangkapan.

Seorang mangsa, Mohd Zuhir Lamsah, 38, berkata beliau pernah mengalami kecederaan ketika memunggah hasil ikan akibat kayu tangga yang sudah reput di pelantar itu patah. "Akibat kejadian itu, saya tidak dapat mencari rezeki di laut selama beberapa hari kerana cedera manakala kaki terseliuh," katanya.

Ketua Kampung Sungai Durian, Masdar Mat Badron, 59, berkata pihak berwajib harus membina pelantar bertangga konkrit sebagai kemudahan nelayan untuk memunggah hasil tangkapan. Beliau berkata, tangga dan pelantar yang ada sekarang tidak sesuai digunakan kerana ia dibuat daripada kayu dengan kebanyakannya sudah reput sehingga menyukarkan nelayan menjalankan aktiviti harian. "Walaupun pihak kerajaan ada menyediakan jeti konkrit sepanjang kira-kira 60 meter kaki yang dibina sejak lapan tahun lalu, namun penduduk yang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan terpaksa membina sendiri pelantar dan tangga untuk kemudahan memunggah hasil tangkapan. "Dengan

adanya pelantar dan tangga konkrit, nelayan boleh melakukan kerja dengan lebih mudah dan selamat selepas berpenat lelah menangkap ikan di laut," katanya.

Selain itu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Mukim Serkat merangkap Pengerusi Nelayan Pantai Semenanjung, Hairul Imran Ramlan, 37, berkata pembinaan pondok pelbagai guna perlu dibina untuk menggantikan yang lama kerana pondok sedia ada sudah usang dan reput. Beliau berkata, pondok pelbagai guna sangat penting untuk semua nelayan menjalankan kerja seperti membaiki enjin bot, jaring dan pelbagai lagi kelengkapan untuk menangkap ikan.

7 Julai 2009 (Selasa)

Jeti belum dibuka runtuh

Oleh Junita Mat Rasid junita@bharian.com.my



NELAYAN melihat jeti yang tumbang ke dalam Sungai Muar di pekan Panchor yang runtuh lewat malam semalam.

Projek RM1.3j siap awal tahun lalu ganti prasarana roboh

MUAR: Sebuah jeti di tebing Sungai Muar, pekan Panchor dekat sini, yang siap dibina awal tahun lalu dengan kos kira-kira RM1.3 juta dan masih belum dibuka untuk kegunaan orang ramai, runtuh petang kelmarin. Turut runtuh dalam kejadian kira-kira 6 petang itu ialah tebing sepanjang kira-kira 450 meter yang dibina bagi menggantikan tebing dan jeti lama yang runtuh pada 21 Mei tahun lalu. Jeti yang runtuh itu hanya terletak beberapa meter daripada tapak pasar malam yang baru beroperasi kira-kira dua bulan lalu.

Seorang saksi, Rahimi Mansur, 46, berkata beliau berada di kedai kopi berhadapan dengan jeti itu sebelum terdengar bunyi rekahan kuat dari arah jeti terbabit. "Saya keluar dari kedai kopi untuk melihat apa yang berlaku dan selepas mendengar bunyi rekahan kali kedua, baru saya dapati jeti itu rebah ke dalam sungai," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Rahimi berkata, kesan mendapan dan rentak di tebing sungai bersebelahan jeti itu sebenarnya sudah lama berlaku dan semakin ketara sejak sebulan lalu. "Saya dan

penduduk kampung tidak menggunakan jeti terbabit kerana bimbang ia boleh runtuh pada bila-bila masa.

“Malah, pihak berwajib juga sudah merentangkan pita khas di jeti itu bagi tujuan keselamatan mengelak pengunjung terutama pemancing memasuki jeti itu. Bagaimanapun, masih ada pemancing yang berdegil menggunakan jeti terbabit untuk memancing. Syukur pada hari kejadian tiada pemancing di jeti itu, kecuali seorang wanita. “Wanita itu kemudian beredar dari situ selepas dinasihatkan tidak menggunakan jeti,” katanya.

Seorang peniaga pasar malam, Toat Sulaiman, 38, berkata jeti yang runtuh itu terletak betul-betul bersebelahan tapak pasar malam yang baru beroperasi kira-kira dua bulan lalu. “Kami memang menjangka jeti itu akan runtuh berikutan berlaku kesan mendapan tebing. Ketika tiba di tapak pasar malam kira-kira jam 3.30 petang kelmarin, saya nampak kesan retak itu semakin ketara. “Selepas kira-kira dua jam kemudian, jeti itu runtuh,” katanya.

Kejadian terbaru itu menjadikan setakat ini lima kejadian jeti runtuh di Sungai Muar dalam tempoh tidak sampai dua tahun iaitu Jeti Kampung Kolam, dekat Serom yang runtuh pada Julai tahun lalu serta Jeti Kampung Pengkalan Kota dekat Bukit Serampang yang juga runtuh sebanyak dua kali iaitu pada Februari lalu dan 9 Mei tahun lalu.

Sebelum itu, sembilan kenderaan dilaporkan terperangkap manakala peniaga dan pengunjung pasar malam bertempieran lari menyelamatkan diri apabila tebing Sungai Muar sepanjang kira-kira 100 meter di kawasan berkenaan runtuh kira-kira jam 6.30 petang pada 20 April tahun lalu. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian itu, manakala semua kenderaan yang terperangkap sempat ditarik keluar sebelum air mula melimpah ke kawasan runtuhan berkenaan.

9 Julai 2009 (Rabu)

LPK setuju bayar RM660j kepada pemaju PKFZ

KUALA LUMPUR: Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) bersetuju membayar RM660 juta kepada pemaju Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan pemegang bon, kata Datuk Seri Ong Tee Keat. Kenyataan itu disiarkan dalam laman blog Menteri Pengangkutan berkenaan sekali gus menepis dakwaan LPK membuat kesilapan ketika mengkaji semula keputusan untuk menjelaskan pembayaran berkenaan kepada pihak terbabit.

"Saya dimaklumkan, LPK bersetuju membuat pembayaran itu kerana dua sebab iaitu pertama rayuan pemegang amanah kepada pemegang bon yang menyatakan tanpa pembayaran itu ada kemungkinan pemegang amanah terbabit akan mengambil tindakan. Kedua, Kementerian Kewangan dengan jelas mengarahkan supaya pembayaran semula itu dibuat," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi LPK, Datuk Lee Hwa Beng menyatakan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarahnya memutuskan untuk menangguhkan pembayaran RM660 juta yang sepatutnya dibayar menerusi empat peringkat kepada KDSB selepas mendapati pasukan khas yang ditugaskan menyediakan laporan projek itu belum menyiapkannya. Ahli Lembaga LPK memutuskan selepas meneliti semua pendapat, menangguhkan bayaran sehingga laporan penuh disiapkan pasukan khas itu.

LPK sepatutnya membayar kepada syarikat tujuan khas KDSB iaitu Special Port Vehicle Bhd, Transshipment Megahub Bhd, Valid Ventures Bhd dan Free Zone Capital Bhd berjumlah RM660 juta menerusi empat peringkat pada Jun dan Julai. Pasukan khas diarah menyediakan cadangan hasil laporan audit PricewaterhouseCoopers mengenai projek itu diketuai peguam kanan Vinayak Pradhan daripada firma guaman Skrine dan dijangka menyerahkan cadangan kepada LPK dan Ong pada Ogos ini.

Ong berkata, pembayaran itu dilakukan tanpa sebarang prejudis kepada hak LPK, malah tindakan itu adalah berasingan daripada isu hak lembaga berkenaan dan komitmen untuk mendapatkan nasihat perundangan.

10 Julai 2009 (Rabu)

Kompleks akuatik diarah tutup

Oleh Abdul Halim Yusoff dan Shaarani Ismail bhnews@bharian.com.mys



SHAZIMAN (kiri) bersama Judin meninjau Pusat Akuatik MBKT di Batu Burok, semalam.

Pusat RM18j siap tahun lalu bocorancam keselamatan pengguna: Shaziman

KUALA TERENGGANU: Kementerian Kerjaraya mengarahkan Pusat Akuatik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) bernilai RM18 juta yang baru setahun disiapkan ditutup sementara mulai semalam kerana kualiti kemudahan dan tahap keselamatan yang menyebabkannya tidak sesuai digunakan orang ramai. Menteri, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata pasukan penyiasat Jabatan Kerja Raya (JKR) mendapati banyak kelemahan dan kesilapan teknikal dalam proses mereka bentuk serta piawaian pembinaan yang tidak mencapai mutu ditetapkan sehingga berlaku kebocoran dan kerosakan peralatan.

"Kami sudah memeriksa persekitaran termasuk di bahagian bawah tanah dan mendapati banyak kebocoran. Kita dapat lihat soket elektrik yang terdedah kepada kebocoran air dan ini semua tidak selamat digunakan," katanya selepas meluangkan lebih sejam mengetuai pasukan penyiasat JKR melawat kompleks itu di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah JKR, Datuk Seri Dr Judin Abdul Karim dan Datuk Bandar Kuala Terengganu, Datuk Mat Razali Kassim. Kompleks Akuatik yang dibina mengikut konsep reka dan bina itu siap pada Mei 2008 untuk digunakan pada Sukan Malaysia ke-12 yang dihoskan Terengganu pada Jun tahun lalu. Pengawasan dan pemantauan pembinaan kompleks itu dilaksanakan JKR Terengganu.

Shaziman berkata, kerosakan kompleks itu mungkin disebabkan pelbagai faktor termasuk pengawasan projek yang lemah kerana perlu disiapkan segera, tetapi itu tidak patut menjadi sebab membolehkannya disiapkan tanpa ikut spesifikasi. "Projek ini dalam tempoh jaminan dan kita mengarahkan kontraktor melakukan kerja pembaikan sebaik mungkin," katanya sambil menambah laporan penyiasatan lengkap kompleks itu diserahkan kepadanya oleh JKR Pusat 10 hari lagi.

"Saya terkilan kerana di Terengganu bukan saja Kompleks Akuatik menghadapi masalah tetapi bulan lalu, (sebahagian) bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin runtuh" katanya. Dalam maklum balas segera, Judin berkata, JKR Pusat yang melaksanakan penyiasatan terhadap kompleks itu akan mengambil tindakan terhadap kakitangan JKR Terengganu yang bertanggung jawab membuat pemantauan projek itu, jika terbukti wujud kecuai.

Judin berkata, JKR Terengganu bertanggungjawab terhadap kawal selia pembinaan, bagaimanapun pihaknya masih belum boleh membuat sebarang kesimpulan terhadap tugas yang dilaksanakan itu dan adakah ia menjadi punca kompleks itu bermasalah, sebaliknya JKR akan membuat penilaian secara menyeluruh. "Ketika ini kami mempunyai beberapa pandangan tetapi ia masih belum boleh dijadikan kesimpulan terhadap apa yang berlaku kerana ia mestilah berasaskan kepada fakta dan laporan yang akan diterima nanti bagi menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku," katanya.

Ditanya mengenai perkembangan siasatan insiden bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, katanya, pihaknya akan menerima laporan awal daripada badan penyiasat JKR dalam masa seminggu lagi.